

# Usuluddin (931)

## PRESTASI KESELURUHAN

Pada tahun ini, bilangan calon yang mengambil mata pelajaran ini ialah seramai 1031 orang. Peratusan calon yang lulus penuh ialah 71.41%, menurun sebanyak 0.29% berbanding dengan tahun 2011.

Pencapaian calon bagi mata pelajaran ini mengikut gred adalah seperti yang berikut:

Gred	A	A-	B+	B	B-	C+	C	C-	D+	D	F
Peratusan	5.76	6.92	9.86	10.45	11.51	14.15	10.43	10.15	9.24	4.69	8.29

## RESPONS CALON

### KERTAS 931/1 (TAUHID DAN MANTIK)

#### *Komen am*

Secara keseluruhannya, prestasi calon pada tahun ini adalah lebih baik berbanding dengan tahun sebelumnya. Calon mampu merancang dan mengemukakan jawapan dengan lebih baik. Namun begitu, terdapat segelintir calon yang tidak berupaya untuk memberikan dalil al-Quran semasa menghuraikan hujah mereka. Majoriti calon mampu memahami kehendak soalan dengan baik.

#### *Komen soalan demi soalan*

#### **BAHAGIAN A: Tauhid**

##### **Soalan 1**

Soalan (a) menghendaki calon menjelaskan peranan akidah dalam pembangunan insan berpandukan dalil daripada al-Quran. Kebanyakan calon dapat memberikan jawapan yang baik bagi soalan ini. Antara jawapan yang dikemukakan oleh calon ialah akidah yang kuat mendorong insan untuk mencintai Allah SWT seterusnya mematuhi segala arahan dan perintah-Nya. Namun begitu, terdapat segelintir calon yang tidak memberikan dalil daripada al-Quran dalam jawapannya.

Soalan (b) menghendaki calon membincangkan kaitan antara kelemahan penghayatan akidah dengan peningkatan kes rasuah. Kebanyakan calon tidak dapat memberikan jawapan yang tepat. Jawapan yang perlu diberikan oleh calon ialah akidah yang lemah menyebabkan seseorang mudah terjebak dalam kes rasuah. Terdapat segelintir calon yang tidak membuat perkaitan antara kelemahan penghayatan Islam dengan kes rasuah, sebaliknya mereka menyentuh penghayatan Islam dan kes rasuah secara umum sahaja.

##### **Soalan 2**

Soalan (a) menghendaki calon menghuraikan hubungan antara Islam, iman, dan ihsan berdasarkan dalil al-Sunnah. Kebanyakan calon dapat menghuraikan hubungan tersebut dengan baik. Namun demikian, terdapat segelintir calon yang tidak menghuraikan hubungan tersebut berdasarkan dalil al-Sunnah.

Soalan (b) menghendaki calon menghuraikan perkaitan yang sangat rapat antara Islam, iman, dan ihsan dengan memberikan contoh dalam kehidupan seharian. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik. Calon tidak dapat menjelaskan perkaitan antara ketiga-tiga perkara tersebut dan mereka memberikan contoh yang kurang tepat.

### Soalan 3

Soalan (a) menghendaki calon menerangkan faktor dalaman yang menyebabkan kemunculan beberapa aliran dalam pemikiran akidah Islam. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Antara jawapan yang diberikan oleh calon ialah isu berkaitan kewafatan Nabi Muhammad SAW, tempat pengubuman Nabi Muhammad SAW, pelantikan khalifah, isu *fadak*, dan isu ayat *mutasyabihat*.

Soalan (b) meminta calon membincangkan bagaimana ayat *mutasyabihat* menjadi punca kelahiran beberapa aliran dalam pemikiran akidah Islam. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik. Mereka tidak memberikan contoh aliran pemikiran akidah Islam, seperti *ahli Sunnah wa al-Jamaah (salaf khalaf)*, *Muktazilah*, dan lain-lain. Jawapan sepatutnya yang diberikan oleh calon ialah *ahli Sunnah wa al-Jamaah* memahami al-Quran dengan tepat, aliran *Muktazilah* mentakwilkan nas berpandukan logik akal semata-mata, dan golongan *Mujassimah* percaya bahawa Tuhan sama dengan makhluk.

### Soalan 4

Soalan (a) menghendaki calon menjelaskan konsep pembalasan dan keadilan dalam Islam. Kebanyakan calon tidak memahami kehendak soalan dengan tepat. Mereka hanya memberikan takrif pembalasan dan keadilan sahaja. Sepatutnya, mereka perlu menerangkan bahagian pembalasan yang terdiri daripada pembalasan di dunia dan di akhirat dengan terperinci. Sebaliknya, mereka hanya menerangkan peringkat pembalasan sahaja.

Soalan (b) menghendaki calon menerangkan empat hikmah pembalasan dan keadilan dalam Islam. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan tepat. Antara jawapan yang diberikan oleh calon ialah sebagai daya rangsangan dan dorongan untuk manusia melakukan kebaikan, membuktikan bahawa erti kebahagiaan bukanlah dalam bentuk keseronokan jasmani semata-mata, dan menegakkan kebenaran dan janji Allah SWT.

### Soalan 5

Soalan (a) menghendaki calon menerangkan maksud hadis palsu dan memberikan contoh hadis palsu. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Maksud hadis palsu ialah hadis yang dicipta sendiri oleh seseorang dan dinisbahkan kepada Nabi Muhammad SAW secara dusta, sama ada pendustaan itu secara sengaja ataupun tidak sengaja. Antara contoh hadis palsu yang diberikan oleh calon ialah bahtera Nabi Nuh telah mengelilingi Kaabah sebanyak tujuh kali semasa banjir, anak zina tidak akan masuk syurga selama-lamanya, dan melihat wajah yang cantik merupakan ibadah.

Soalan (b) menghendaki calon membincangkan persoalan sejauh mana pertelingkahan politik dan gerakan anti-Islam telah mendorong penyebaran hadis palsu berlaku. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik. Mereka hanya menyentuh penyebaran hadis palsu secara umum sahaja tanpa mengaitkannya dengan pertelingkahan politik dan gerakan anti-Islam. Jawapan yang sepatutnya diberikan oleh calon ialah pertelingkahan yang berlaku antara Saidina Ali dengan Muawiyah merupakan titik awal bermulanya penyebaran hadis palsu. Seterusnya, mereka perlu menerangkan bagaimana pertelingkahan politik membuka jalan kepada gerakan anti-Islam untuk melakukan penyebaran hadis palsu.

## Soalan 6

Soalan (a) menghendaki calon menerangkan bagaimana akidah Islam dapat menyelesaikan masalah sosial yang melanda remaja kini. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Mereka dapat menghubungkan kait antara kesan kurangnya penghayatan akidah dengan masalah sosial yang melanda remaja. Mereka juga membuat perbandingan penghayatan akidah yang berlaku pada zaman Rasulullah SAW dengan zaman ini.

Soalan (b) menghendaki calon menghuraikan pandangan Muhammad Qutb dalam menjawab persoalan berkaitan dengan penyelewengan akidah. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik. Calon tidak menghuraikan pandangan Muhammad Qutb, sebaliknya mereka menjawab soalan ini secara umum sahaja. Jawapan mereka seharusnya menyentuh hal syirik, sekularisme, humanisme, dan komunisme dengan berdasarkan pandangan Muhammad Qutb.

## **BAHAGIAN B: Mantik**

### **Kumpulan 1: Mantik Klasik**

#### **Soalan 7**

Soalan (a) menghendaki calon menjelaskan pandangan ulama tentang mempelajari ilmu mantik. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Calon dapat menerangkan alasan yang diberikan oleh para ulama, seperti Imam al-Ghazali, al-Farabi, Ibn Sina, dan Ibn Hazm tentang keharusan mempelajari ilmu mantik. Calon juga dapat menerangkan mengapa sebahagian ulama, seperti Ibn Solah, Imam Nawawi, Imam al-Sayuti, dan ibn Taimiyah tidak membenarkan pembelajaran ilmu mantik.

Soalan (b) menghendaki calon menjelaskan kebaikan mempelajari ilmu mantik. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Antara jawapan yang diberikan oleh calon ialah ilmu mantik mengajar seseorang berfikir secara logik dan teratur, ilmu mantik mampu menghindari seseorang untuk berfikir secara taksuf, dan lain-lain lagi.

#### **Soalan 8**

Soalan (a) menghendaki calon menerangkan maksud *tasawur* dan *tasdiq*. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. *Tasawur* merujuk kepada proses menanggapi makna *mufrad* tanpa melalui sebarang hukum atau nisbah. *Tasdiq* pula merujuk kepada memahami nisbah hukum yang terdapat antara dua lafaz *mufrad*, sama ada dalam bentuk *pensabitan* atau penafian.

Soalan (b) menghendaki calon membuat perbandingan antara pandangan al-Hukama' dengan pandangan Imam al-Fakhru al-Razi berkaitan dengan maksud *tasdiq*. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan tepat. Perbezaan yang perlu dinyatakan oleh calon ialah menurut pandangan Hukama', hukum atau nisbah merupakan *tasdiq*, manakala menurut pandangan Imam al-Fakhru al-Razi, nisbah atau hukum sebahagian daripada pengertian *tasdiq*. Selain itu, menurut pandangan Hukama', pengertian *tasdiq* adalah *mufrad* atau *basit*, manakala menurut pandangan Imam al-Fakhru al-Razi pengertian *tasdiq* adalah *murakkab*.

#### **Soalan 9**

Soalan (a) menghendaki calon menerangkan konsep *qiyas*, *istiqra'*, dan *tamthil*. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Calon dapat memberikan maksud *qiyas* dan contoh bagi *qadiyyah* yang berkaitan dengan *qiyas* dengan lengkap. Bagi konsep *istiqra'* pula, calon dapat memberikan maksud dan

pembahagian *istiqra'* dengan baik. Bagi konsep *tamthil*, calon juga dapat memberikan maksud dan rukun *tamthil* dengan lengkap.

Soalan (b) menghendaki calon menjelaskan bagaimana perpindahan hukum bagi *istiqra'*, *qiyas*, dan *tamthil* berlaku. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Perpindahan hukum bagi *istiqra'* berlaku daripada sebahagian unsur kajian kepada kesimpulan seluruh kajian. Perpindahan hukum bagi *qiyas* berlaku apabila terdapat perpindahan maklumat daripada perkara yang umum kepada perkara yang khas. Perpindahan hukum *tamthil* pula merujuk kepada perbandingan hukum *juz'iyah* dengan hukum *juz'iyah* yang lain yang ada persamaan.

## **Kumpulan 2: Mantik Moden**

### **Soalan 10**

Soalan (a) menghendaki calon menjelaskan pengertian dan ciri metode kajian ilmiah dalam perkembangan ilmu pengetahuan. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Metode kajian ilmiah ialah suatu ilmu yang membicarakan peraturan yang perlu diikuti oleh setiap pengkaji semasa mereka melakukan kajian. Antara ciri kajian ilmiah ialah mengkaji bahan atau fenomena yang boleh menyebabkan kemunculan pemikiran semasa, kajian perlu tertumpu kepada konteks sebab dan musabab serta hubungan antara kedua-duanya, dan lain-lain lagi.

Soalan (b) menghendaki calon menjelaskan peranan metode kajian ilmiah dalam perkembangan ilmu pengetahuan dan pembangunan teknologi moden. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Antara jawapan yang diberikan oleh calon ialah metode kajian ilmiah dapat melahirkan penemuan baru dalam kajian ilmiah, mengembangkan ilmu pengetahuan dalam pelbagai disiplin ilmu, dan melahirkan ulama yang pakar dalam pelbagai bidang.

### **Soalan 11**

Soalan (a) menghendaki calon menjelaskan empat syarat bagi *fard al-furud*. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Empat syarat *fard al-furud* ialah ia perlu melalui proses pengamatan dan penelitian, tidak bertentangan dengan fikiran yang waras, terdiri daripada perkara yang boleh diaplikasikan dalam semua keadaan, dan pengkaji perlu berhati-hati semasa mentafsir hipotesis yang rumit.

Soalan (b) menghendaki calon menjelaskan kepentingan *fard al-furud*. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Antara jawapan yang diberikan oleh calon ialah ia merupakan langkah awal sebelum kelahiran teori ilmiah, ia boleh menyelesaikan masalah yang tiada jalan penyelesaian, ia menghasilkan kajian yang sempurna dan lengkap, dan sebagainya.

### **Soalan 12**

Soalan (a) menghendaki calon menerangkan ketokohan John Stuart Mill sebagai ahli mantik moden. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Calon dapat memberikan latar belakang John Stuart Mill, seperti tempat lahir, tarikh lahir, dan tarikh kematian dengan tepat. Calon juga dapat menghuraikan sumbangan beliau dengan baik. Antara sumbangan John Stuart Mill dalam dunia mantik moden ialah beliau berjaya menghasilkan buku *A System of Logic* dalam dua jilid, memperkenalkan kaedah kajian ilmiah yang baru, dan lain-lain lagi.

Soalan (b) menghendaki calon menjelaskan perbincangan utama yang terkandung dalam buku *A System of Logic* karya John Stuart Mill. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik. Buku ini menerangkan idea John Stuart Mill yang menentang keras gerakan yang mengasaskan ilmu pengetahuan

dengan menggunakan sumber intuisi. Selain itu, buku ini juga membicarakan metode deduktif dan metode induktif yang perlu digunakan dalam kajian ilmiah. Melalui penulisan buku ini juga, John Stuart Mill telah mengkritik penggunaan metode silogisme yang diasaskan oleh Aristotle.

## **KERTAS 931/2 (ULUM AL-QURAN DAN ULUM AL-HADIS)**

### ***Komen am***

Secara keseluruhannya, mutu jawapan calon baik dan memuaskan. Namun begitu, masih terdapat kelemahan dalam jawapan calon, iaitu calon lemah dalam memberikan dalil al-Quran atau hadis. Calon juga didapati lemah dalam menjawab soalan yang berbentuk perbandingan, perbincangan, mengeluarkan hujah, dan mengemukakan maksud istilah. Mereka juga kurang memahami kehendak soalan dan tidak mempunyai maklumat yang cukup untuk menjawab soalan. Oleh itu, mereka tidak mendapat markah yang baik.

### ***Komen soalan demi soalan***

#### ***BAHAGIAN A: Ulum al-Quran***

##### **Soalan 1**

Soalan (a) menghendaki calon memerihalkan riwayat hidup Muawiyah bin Abu Sufyan. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Calon dapat memberikan biodata beliau, seperti nama penuh, tempat lahir, tarikh lahir, tarikh kewafatan, tahun memeluk Islam, dan keperibadiannya dengan lengkap.

Soalan (b) menghendaki calon menghuraikan enam sumbangan Muawiyah bin Abu Sufyan dalam perkembangan Islam. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik. Antara sumbangan Muawiyah dalam perkembangan Islam ialah beliau menjadi penulis wahyu, perawi hadis, orang rujukan para sahabat dalam usaha pengumpulan dan penulisan al-Quran, pemimpin angkatan tentera, dan berjaya meluaskan kuasa Islam sehingga ke Constantinople.

##### **Soalan 2**

Soalan (a) menghendaki calon menyatakan ayat al-Quran yang terakhir yang diturunkan dan menerangkan pendapat yang *rajih*. Kebanyakan calon hanya menyatakan nombor ayat dan nama surah sahaja. Calon sepatutnya menulis petikan ayat terakhir yang diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW. Pendapat yang paling *rajih* berkaitan dengan ayat al-Quran yang terakhir diturunkan ialah ayat 3 Surah al-Maidah.

Soalan (b) menghendaki calon membincangkan pendapat ulama dalam menentukan ayat yang pertama yang diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Calon dapat membincangkan pendapat para ulama dalam menentukan ayat yang paling awal diturunkan dengan memberikan hujah yang lengkap berserta dalil yang tepat.

##### **Soalan 3**

Soalan (a) menghendaki calon menerangkan cara ulama menentukan ayat *Makki* dan ayat *Madani*, serta memberikan contoh bagi setiap ayat tersebut. Kebanyakan calon tidak menjawab soalan ini dengan tepat. Jawapan yang perlu diberikan oleh calon ialah ulama menentukan ayat *Makki* dan ayat *Madani* dengan berpandukan dua cara, iaitu melalui penelitian dalil *Naqli* dan *qias ijthad*.

Soalan (b) menghendaki calon menghuraikan kepentingan mengetahui ayat *Makki* dan ayat *Madani*. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Antara kepentingan mengetahui ayat tersebut

adalah dapat membantu pentafsir membuat tafsiran yang tepat terhadap ayat al-Quran, dapat mengetahui *tarikh* al-Quran, membantu pentafsir menentukan ayat *nasikh* dan *mansukh*, dan sebagainya.

#### Soalan 4

Soalan (a) menghendaki calon menerangkan perbezaan antara maksud tafsiran al-Quran dengan terjemahan al-Quran. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik. Calon tidak membuat perbandingan maksud seperti yang diminta oleh soalan. Calon sepatutnya menerangkan bahawa tafsiran al-Quran melibatkan penjelasan dan penerangan, manakala terjemahan al-Quran melibatkan proses mengubah kata dalam satu kalimah dari satu bahasa kepada bahasa yang lain.

Soalan (b) menghendaki calon menjelaskan perkembangan tafsir pada zaman awal pemerintahan kerajaan Bani Abbasiyah. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik. Calon tidak memberikan jawapan mengikut kronologi yang dikehendaki. Terdapat sebahagian calon yang tidak memberikan nama tokoh yang memberi sumbangan besar dalam perkembangan penulisan kitab, seperti Yazid bin Harun, Ibn Majah, dan Jarir al-Tobari.

#### Soalan 5

Soalan (a) menghendaki calon memerihalkan riwayat hidup penulis kitab tafsir *al-Quran al-Azim*. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Calon dapat memberikan biodata Ibn Kathir dari aspek nama penuh, tarikh lahir, tempat lahir, ketokohan beliau sebagai ahli tafsir, dan sumbangan beliau kepada dunia tafsir dengan lengkap.

Soalan (b) menghendaki calon menghuraikan enam bidang tumpuan dalam kitab tafsir *al-Quran al-Azim*. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik. Bidang tumpuan perbahasan dalam kitab ini ialah perbincangan tentang hukum dan masalah *fiqh*, perbincangan pendekatan atau hujah mazhab dalam masalah *fiqh* dan akidah, perbincangan berkaitan dengan ilmu *jarh* dan *ta'dil*, dan kitab ini memberi tumpuan kepada tafsir secara *ma'thur*.

### **BAHAGIAN B: Ulum al-Hadis**

#### Soalan 6

Soalan (a) menghendaki calon menyatakan perbezaan antara *al-khabar* dengan *al-Athar* menurut pandangan ulama hadis. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan tepat. Menurut pendapat kebanyakan ulama hadis di Khurasan, *al-khabar* membawa makna yang sama dengan *al-Hadis*, manakala *al-Athar* terhad kepada kata-kata yang dikeluarkan oleh para sahabat. Menurut pendapat sebahagian ulama yang lain, *al-Khabar* itu lebih umum daripada *al-Athar*.

Soalan (b) menghendaki calon menjelaskan sebab *takrir* Nabi Muhammad SAW dianggap sebagai *al-Hadis*. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik. *Takrir* Nabi Muhammad SAW dianggap sebagai *al-Hadis* kerana sesuatu perkara atau peristiwa perlu mendapat persetujuan daripada Nabi Muhammad SAW. Sekiranya Nabi Muhammad SAW tidak bersetuju dengan sesuatu perkara, baginda tidak akan berdiam diri. Contoh *takrir* Nabi Muhammad SAW ialah peristiwa Khalid al-Walid makan daging *dhab*.

#### Soalan 7

Soalan (a) menghendaki calon menerangkan maksud *al-Sunnah* dari sudut bahasa dan pandangan ulama. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. *Al-Sunnah* menurut pandangan ahli hadis ialah

apa-apa sahaja yang terbit daripada Nabi Muhammad SAW yang terdiri daripada perkataan, pengakuan, sifat kejadian, dan akhlak baginda sama ada sebelum baginda diutus menjadi rasul atau selepas itu. *Al-Sunnah* menurut ahli Usul Fiqh pula merujuk kepada apa-apa yang diambil daripada Nabi Muhammad SAW daripada aspek perkataan, perbuatan, dan pengakuan yang boleh dijadikan sebagai dalil hukum syarak.

Soalan (b) menghendaki calon menjelaskan sebab hadis merupakan sumber hukum kedua dalam Islam dengan mengemukakan dalil *naqli*. Kebanyakan calon tidak dapat mengemukakan dalil *naqli*. Mereka hanya memberi fakta tanpa memberikan sokongan dalam bentuk dalil al-Quran atau hadis.

### **Soalan 8**

Soalan (a) menghendaki calon memerihalkan riwayat hidup Sa'id Musayyab. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Calon dapat memberikan biodata Sa'id Musayyab dari segi nama penuh, tarikh lahir, tarikh kewafatan, perwatakan, dan ketokohan beliau dalam bidang hadis dengan lengkap.

Soalan (b) menghendaki calon menghuraikan sumbangan Sa'id Musayyab dalam bidang hadis. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Antara sumbangan Sa'id Musayyab ialah beliau telah meriwayatkan banyak hadis, beliau juga digolongkan ke dalam tujuh orang tokoh *fiqh* di Madinah kerana memiliki ilmu yang sangat tinggi, dan beliau telah mendapat banyak pujian daripada ulama lain seperti Ibn Sa'ad.

### **Soalan 9**

Soalan (a) menghendaki calon menerangkan metode *al-Sama'* dalam proses menerima dan meriwayatkan sesebuah hadis. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Metode *al-sama'* bermaksud seorang guru membacakan sebuah hadis dan pelajarinya perlu mendengar sendiri bacaan daripada gurunya itu. Melalui metode ini, guru boleh menyampaikan hadis yang dihafalnya secara lisan atau guru tersebut membaca hadis yang dituliskannya.

Soalan (b) menghendaki calon menjelaskan lima cara seseorang perawi menerima dan meriwayatkan sesebuah hadis. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Antara cara seseorang menerima dan meriwayatkan sesebuah hadis ialah *al-ard wa al-qiraah*, *al-ijazah*, *al-munawalah*, *al-kitabah*, dan *al-wijadah*.

### **Soalan 10**

Soalan (a) menghendaki calon menjelaskan lima faktor yang menyebabkan lahirnya hadis *Mawduki*. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Antara faktor tersebut ialah kecenderungan untuk mengajak manusia kepada kebaikan, angkara golongan penyeleweng agama, memberi sokongan kepada pegangan dan pemimpin yang dikagumi, dan sebagainya.

Soalan (b) menghendaki calon menjelaskan hukum meriwayatkan dan hukum beramal dengan hadis *Mawduki*. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Calon dapat memberikan jawapan bahawa hukum meriwayatkan hadis *Mawduki* dalam dua keadaan yang berbeza, iaitu dalam keadaan sengaja meriwayatkan hadis *Mawduki* dan dalam keadaan tidak tahu bahawa hadis tersebut ialah hadis *Mawduki*. Bagi hukum beramal dengan hadis *Mawduki* pula, jumhur ulama mengharamkan beramal dengannya.